



PERBELANJAAN PERKAHWINAN BAGI MASYARAKAT MUSLIM: ANALISIS LITERATUR

Marriage Expenses among Muslim Community: A Literature Review

Syh Noorul Madihah Syed Husin *

Raihanah Hj Azahari **

Asmak Ab. Rahman ***

ABSTRACT

Marriage expenses is a necessity within the process of a marriage. In Muslim community, the couple will start spending for a wedding preparations before actual marriage. Couples who plan to marry must provide a certain amount of money to ensure that their desire to marry is realized. There are various studies which link to marriage expenses for the Muslim community. This article will review on marriage expenses for Muslim community in various forms of writing such as academic books, dissertations, theses and journal articles. This study found that there are four themes discussed in the topic. Generally, studies in these themes only discuss issues related to the marriage

-
- * PhD Candidate at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya and lecturer at Department of Syariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, madihah@unisza.edu.my
 - ** Associate Prof. at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, raihan@um.edu.my
 - *** Senior Lecturer at Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, asmak@um.edu.my



expenses indirectly without providing any review on how Muslim community manages it. This study found that there is a need to conduct a special study on this topic to fill the gap in regards of Muslim family studies. This is to provide a comprehensive review and analysis of the Muslim community expenses from the perspective of marriage legislation.

Keywords: *Marriage Expenses, Muslim Wedding, Wedding Ceremonies*

PENDAHULUAN

Perbelanjaan perkahwinan merujuk kepada apa yang perlu dibelanjakan oleh pasangan mahupun ahli keluarga mereka bagi persediaan dan persiapan untuk melangsungkan perkahwinan. Perbelanjaan perkahwinan bagi masyarakat Muslim kini bukan sahaja melibatkan bayaran mas kahwin dan urusan *walīmat al-‘urs*, malah terdapat pelbagai bentuk elemen perbelanjaan sama ada sebelum majlis perkahwinan berlangsung mahupun selepas selesai majlis tersebut. Kewujudan pelbagai elemen ini adalah berikutan daripada trend sambutan semasa majlis perkahwinan di samping penerapan adat-adat perkahwinan yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat Muslim.

Menelusuri kajian-kajian berkaitan perbelanjaan perkahwinan, sarjana dalam bidang kekeluargaan telah pun membincangkannya secara tidak langsung dalam tajuk berkaitan pemberian atau bayaran berbentuk harta bagi tujuan perkahwinan termasuk mas kahwin, wang hantaran, *dowry* dan *brideprice*. Pemberian-pemberian seperti ini merupakan elemen perbelanjaan asas yang diperlukan bagi persediaan perkahwinan. Selain, elemen perbelanjaan asas, sambutan majlis perkahwinan juga memberi kesan kepada corak perbelanjaan perkahwinan masyarakat Muslim. Islam sememangnya meraikan pasangan yang baru berkahwin dengan menganjurkan *walīmat al-‘urs*. Pelaksanaan *walīmat al-‘urs* sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang khusus kerana ia melibatkan penyediaan hidangan untuk tetamu yang dijemput. Bagi meraikan sambutan majlis perkahwinan, masyarakat Muslim turut mengeluarkan belanja bagi pelbagai



persiapan sampingan termasuklah persiapan yang melibatkan adat sesuatu kaum. Kajian perbelanjaan perkahwinan ini juga dilihat mempunyai kaitan dengan kajian tentang perbelanjaan dalam institusi rumah tangga. Biarpun perbelanjaan perkahwinan mula diuruskan oleh pasangan sebelum mereka berumahtangga, namun ia merupakan satu bentuk perbelanjaan awal sebelum memasuki alam rumah tangga. Perbelanjaan perkahwinan yang tidak dirancang dan diurus dengan baik oleh pasangan akan menimbulkan pelbagai isu. Ia sering dikaitkan dengan bebanan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pasangan yang akan berkahwin. Sebahagian pengkaji cuba mengetengahkan isu bebanan perbelanjaan perkahwinan ini dalam pelbagai aspek.

Sehubungan itu, artikel ini cuba menganalisis literatur berdasarkan empat tema bagi mengenal pasti jurang antara kajian-kajian tersebut. Kajian ini seterusnya cuba mengetengahkan keperluan kajian tentang perbelanjaan perkahwinan bagi masyarakat Muslim. Tema yang pertama dan kedua memberi fokus kepada kajian tentang perbelanjaan yang diperlukan dalam perkahwinan iaitu elemen perbelanjaan asas dan amalan sambutan majlis perkahwinan. Tema ketiga pula berkaitan gaya perbelanjaan dalam institusi rumah tangga. Dalam tema keempat, ulasan akan dilakukan terhadap isu-isu berkaitan bebanan perbelanjaan perkahwinan masa kini.

ELEMEN PERBELANJAAN ASAS DALAM PERKAHWINAN

Pembinaan perkahwinan lazimnya memerlukan elemen perbelanjaan asas yang melibatkan pemberian dan bayaran yang tertentu oleh pasangan. Terdapat banyak kajian berkaitan elemen perbelanjaan asas yang dikemukakan oleh para sarjana daripada pelbagai latar belakang agama. Dalam Islam, syarak menetapkan mas kahwin atau juga dikenali sebagai *al-mahr* dan *al-ṣadāq* sebagai satu pemberian wajib yang perlu diselesaikan oleh suami.¹ Ia melibatkan perbelanjaan sekiranya diberi dalam bentuk harta.

¹ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* (Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1986), 10:97; Abū al-Hasan ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 9:393.



Kajian berkaitan mas kahwin banyak dibincang secara teori dengan mengetengahkan kedudukan dan konsepnya dalam Islam. Salmā al-Jam‘ānī² membahas pelbagai isu fiqh berkaitan mas kahwin bermula dari hukum pembayaran mas kahwin, kadar, jenis dan pemilikannya, hingga kepada hukum-hukum yang timbul kesan daripada pensyariatan tersebut. Beliau mengemukakan pandangan ulama terdahulu dengan bersumberkan kitab-kitab fiqh dalam pelbagai aliran. Kajian ini dilihat lebih bersifat pembentangan hukum-hukum fiqh. Hasbi Muh. Ali dan Raihanah Azahari³ pula memfokuskan kepada tujuan atau objektif pensyariatan mas kahwin. Mereka merumuskan bahawa pensyariatan mas kahwin dalam Islam adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan pihak perempuan. Pemberiannya adalah satu bentuk pemilikan harta secara eksklusif kepada wanita, apabila Islam tidak membenarkan sebarang campur tangan oleh ahli keluarga dan pihak suami terhadap pemilikan tersebut.

Anas Muṣṭafā Abū ‘Aṭā⁴ mengkaji peranan pemerintah dalam urusan penetapan mas kahwin masyarakat Muslim. Beliau mendapati antara kuasa pemerintah dalam soal mas kahwin adalah menetapkan kadar maksimum. Ia adalah relevan apabila ketinggian kadar mas kahwin menjadi faktor kepada isu keengaman berkahwin dan perkahwinan di lewat usia dalam kalangan masyarakat Muslim masa kini. Menurut beliau, meskipun fuqaha tidak menetapkan kadar maksimum untuk mas kahwin, namun penetapannya perlu meraikkan konsep kesederhanaan dan tidak membazir. Isu yang sama turut dikemukakan oleh Sayf Ibn Rāshid al-Jābirī.⁵ Beliau menyatakan ketinggian penetapan kadar mas kahwin oleh keluarga pihak perempuan semakin berleluasa dan ia tidak selari

² Salmā Sālim al-Jam‘ānī, “Aḥkām al-Ṣadāq fī al-Fiqh al-Islāmī” (Tesis Sarjana, Universiti Islam al-Imam Muhammad Ibn Sa’ud, 1426H/2006).

³ Hasbi Muh. Ali dan Raihanah Azahari, “Objektif Syariah dalam Pemberian Mahar”, *Jurnal Fiqh* 10 (2013), 57-76.

⁴ Anas Muṣṭafā Abū ‘Aṭā, “Miqdār al-Mahr wa al-Sulṭah Waliy al-Amr fī Taḥdīdih: Dirāsah Fiqhīyyah”, *Jurnal al-Mannārah* 12, no.3 (2006), 11-51.

⁵ Sayf Ibn Rāshid al-Jābirī, *Mahr al-Zawjāt bayn al-Syārī‘ah wa al-‘Ādah* (Bayrūt: Islamic Affairs & Charitable Activities Department, 2008), 87-96.




dengan anjuran dan kehendak syarak yang menganjurkan agar mempermudahkan urusan perkahwinan. Beliau turut bersetuju dengan pelaksanaan penetapan kadar maksimum mas kahwin oleh pihak pemerintah, sebagai satu langkah untuk membendung isu tersebut.

Dari aspek kedudukan mas kahwin dalam perundangan di Malaysia, Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab. Halim dan Nisar Mohd⁶ mendapati peruntukan tentang mas kahwin dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 adalah selari dengan kehendak syarak. Mereka juga menjelaskan bahawa seksyen 21 (2) dalam akta tersebut telah membezakan antara istilah mas kahwin dengan pemberian. Mas kahwin adalah satu pembayaran wajib, manakala pemberian pula merujuk kepada apa-apa bentuk hadiah atau wang selain daripada mas kahwin yang dihukumkan sebagai bayaran tidak wajib. Dari sudut kadar pembayaran mas kahwin oleh masyarakat Muslim di Malaysia pula, Syh Noorul Madihah Syed Husin⁷ berpandangan lazimnya kadar yang diberikan adalah berbeza antara setiap individu. Perbezaan ini lebih ketara antara masyarakat Muslim yang berkahwin di negeri yang mempunyai panduan kadar minimum mas kahwin dengan masyarakat dari negeri yang tiada panduan tersebut. Bagi masyarakat di negeri yang mempunyai panduan kadar minimum, panduan tersebut serba sedikit mempengaruhi penentuan kadar mas kahwin. Ia berbeza dengan mereka yang tidak terikat dengan panduan itu kerana penetapannya adalah berdasarkan persetujuan pasangan semata-mata. Menurut Zainunnisa Abdul Rahman⁸

⁶ Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab. Halim dan Nisar Mohd, "The Concept of Mahr from The Perspectives of Islam and Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984", *Jurnal al-Sirat* 12 (September 2011), 41-51.

⁷ Syh Noorul Madihah binti Syed Husin, "Mas Kahwin dalam al-Quran dan Implikasinya Terhadap Penentuan Kadar," dalam *Etika Kerja dan Pengurusan Harta*, ed. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali *et al.* (Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2014), 69-85.

⁸ Zainunnisa Abdul Rahman, "Mahar in Malaysia: The Law Revisited", *Shariah Law Reports* (Oktober - Disember 2007), 1-19.



dan Nora Abdul Haq,⁹ panduan kadar mas kahwin oleh badan berkuasa agama negeri tidak lagi relevan dengan keperluan dan keadaan semasa masyarakat, dan perlu dikaji semula berdasarkan kepada perubahan ekonomi semasa. Zainunnisaa Abdul Rahman turut berpandangan kos perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu hari ini semakin meningkat dan membebankan bukan kerana bayaran mas kahwin tetapi berpunca daripada kadar wang hantaran yang terlalu tinggi.

Apa yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji di atas menggambarkan masyarakat Muslim khususnya yang berbangsa Melayu bukan sahaja perlu menyediakan perbelanjaan bagi mas kahwin, bahkan perlu menyediakan perbelanjaan untuk wang hantaran. Ia merupakan antara perbelanjaan terpenting selepas elemen mas kahwin yang perlu diselesaikan oleh pihak lelaki. Kewujudan elemen wang hantaran jelas diraikan dalam amalan perkahwinan masyarakat Muslim di Malaysia apabila seksyen 21 (2) bagi Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 membezakan antara istilah mas kahwin dengan pemberian. Pemberian merupakan senarai bayaran tambahan selain daripada mas kahwin yang biasa disediakan oleh pihak lelaki. Terdapat beberapa kajian yang mengkaji realiti pembayaran bagi dua elemen asas ini. Zurita Mohd Yusoff¹⁰ menyatakan kadar mas kahwin yang dijadikan panduan oleh badan berkuasa agama beberapa negeri di Malaysia tidak terlalu tinggi dan sememangnya mampu dibayar oleh segenap lapisan masyarakat. Apa yang menjadi beban adalah apabila masyarakat tidak mengambil kira panduan tersebut, dan wujudnya tuntutan bayaran wang hantaran yang begitu tinggi. Bagi Raihanah Azahari,¹¹ kewujudan dua bentuk pemberian daripada pihak lelaki iaitu mas kahwin dan wang hantaran adalah kesan daripada budaya masyarakat Muslim yang

⁹ Nora Abdul Haq, “Right of Women to Maharr (Dower) Under Islamic Law and Malaysian Family Law: Some Suggestion for Reforms”, *Journal of Islamic Law Review* 8 (2012), 215-229.

¹⁰ Zurita Mohd Yusoff, “Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1 (Julai 2008), 43-57.

¹¹ Raihanah Azahari, “Pengaruh Budaya dalam Penentuan Kadar Maharr,” dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Md. Ahmad et al. (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 315-324.



berpegang kepada hukum syarak dan adat resam perkahwinan Melayu. Kedua-dua kewajipan ini berbeza dari sudut amalannya di antara negeri-negeri di Malaysia dan mempunyai konsep yang tersendiri menurut adat masyarakat setempat. Hasil kajian, beliau mendapati adat pemberian wang hantaran adalah diharuskan kerana masih menepati syarat-syarat penerimaan adat yang tidak mempunyai nas. Namun, pada pandangan beliau, penentuan kadarnya yang lebih tinggi dari mas kahwin adalah tidak wajar, kerana baik dari segi hukum atau pemilikan, mas kahwin lebih tinggi kedudukannya di sisi syarak.

Di samping kajian secara deskriptif, terdapat juga beberapa kajian tinjauan berhubung dengan mas kahwin dan wang hantaran. Dalam kajian eksplanatori oleh Noryamin Aini¹² tentang tradisi pembayaran mas kahwin di kalangan masyarakat Muslim di Indonesia, beliau mendapati terdapat beberapa faktor sosio ekonomi yang mempengaruhi corak dan kadar penetapan mas kahwin. Bentuk pemberian mas kahwin umpamanya mempunyai hubungan yang signifikan dengan status pihak perempuan. Mereka yang berstatus janda lebih lazim menerima mas kahwin berbentuk mata wang, berbanding dengan anak dara yang lebih lazim menerima mas kahwin berupa perhiasan barang kemas dan barang yang mempunyai simbolik agama seperti al-Quran dan buku agama. Nilai kadar mas kahwin untuk anak dara juga jauh lebih tinggi daripada nilai mas kahwin janda. Hasbi Muh Ali¹³ pula mendapati masyarakat Islam di Tawau, Sabah hanya menganggap mas kahwin sebagai pelengkap akad pernikahan dan tanda ingatan. Kesannya, mas kahwin gagal berfungsi sebagai satu bentuk jaminan sosio ekonomi kepada kaum wanita, khususnya apabila berhadapan dengan musibah rumah tangga. Kajian amalan penetapan mas kahwin dalam kalangan masyarakat Muslim di

¹² Noryamin Aini, “Tradisi Mahar di Ranah Lokalitas Umat Islam: Mahar dan Struktur Sosial di Masyarakat Muslim Indonesia”, *Jurnal Ahkam XIV*, no. 1 (Januari 2014), 13-30.

¹³ Hasbi Muh. Ali, “Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita: Kajian di Tawau Sabah” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, 2013).



Selangor oleh Siti Nor Ahiasah Shafak Ahmad¹⁴ menemukan majoriti responden lebih cenderung untuk membelanjakan mas kahwin berdasarkan ketetapan yang telah ditentukan oleh badan berkuasa agama negeri.

Seterusnya, Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab¹⁵ membuat kajian khusus terhadap adat pemberian wang hantaran di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Mereka menguji tiga faktor demografi yang diandaikan mempunyai hubungan dengan penetapan kadar wang hantaran iaitu kadar pendapatan bulanan, taraf pendidikan dan aliran pendidikan. Hasil kajian mendapat tahap pendidikan responden dan juga alirannya mempunyai hubungan signifikan dengan kadar hantaran. Dalam kajian tinjauan terhadap bayaran mas kahwin dan wang hantaran, Wan Bazli Fariz Wan Bakar¹⁶ mendapat majoriti responden di daerah Kuala Berang, Terengganu menganggap pemberian wang hantaran adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai nilaiann kepada mas kahwin. Ini bermakna perbelanjaan bagi mas kahwin adalah disatukan dengan wang hantaran. Asnilawati Arifin¹⁷ pula mendapat masyarakat Muslim di Acheh dan Kelantan masih mengamalkan adat bayaran hantaran dengan cara yang tersendiri. Beliau menemui kadar pembayaran mas kahwin bagi masyarakat negeri Kelantan dan Acheh amatlah bervariasi dan tidak terlalu tinggi. Antara perbezaan ketara bagi dua kelompok masyarakat tersebut adalah mas kahwin di Acheh diberi dalam bentuk emas, manakala di Kelantan dalam bentuk

¹⁴ Siti Nor Ahiasah Shafak Ahmad, “Amalan Penetapan Kadar Maher dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: Analisis dari Perspektif Perundangan Islam” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2012).

¹⁵ Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab, “Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak”, *Jurnal Fiqh* 6 (2009), 107-124.

¹⁶ Wan Bazli Fariz Wan Bakar, “Mahar dan Hantaran dalam Perkahwinan: Satu Kajian Terhadap Amalannya di Daerah Kuala Berang, Terengganu” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, 2001).

¹⁷ Asnilawati Arifin, “Mahar dan Hantaran dalam Masyarakat Acheh dan Kelantan: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam” (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).



wang ringgit. Yudi Safitrah¹⁸ yang menjalankan kajian di Pulau Bangka, Indonesia berpandangan walaupun amalan pemberian mas kahwin masyarakat di sana telah selari dengan kehendak syariat Islam, namun amalan pemberian wang hantaran yang terlalu tinggi kadarnya tidak sewajarnya berlaku kerana ia membebankan kaum lelaki.

Rumusannya, elemen perbelanjaan asas dalam perkahwinan bagi masyarakat Muslim hanyalah tertumpu kepada mas kahwin. Ia merupakan satu perbelanjaan yang wajib diselesaikan oleh pihak suami. Namun bagi masyarakat Muslim yang masih mengamalkan adat resam perkahwinan Melayu, mereka juga perlu menyediakan perbelanjaan untuk wang hantaran. Perkahwinan dianggap oleh sebahagian masyarakat sebagai tidak lengkap tanpa adanya unsur pembayaran wang hantaran. Kedua-dua elemen ini pada asasnya perlu disediakan oleh pihak lelaki. Perbincangan tentang elemen perbelanjaan asas dalam perkahwinan ini dilihat bukan merupakan isu bagi masyarakat Muslim sahaja. Bahkan, ia turut dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji Barat dalam memperkatakan hal berkaitan bayaran perkahwinan. Menurut Carol R. Ember dan Melvin Ember,¹⁹ bayaran perkahwinan terbahagi kepada dua bentuk yang disebut sebagai *brideprice* atau *bridewealth* dan *dowry*. *Brideprice* merupakan bayaran perkahwinan yang dikenakan ke atas pihak lelaki berbentuk wang atau barang kepada pihak perempuan atau keluarganya. Manakala *dowry* pula adalah bayaran perkahwinan daripada pihak perempuan kepada pihak lelaki berbentuk wang tunai atau barang berdasarkan kepada kemampuan pihak perempuan. Menurut Jack Goody, pembayaran *dowry* oleh masyarakat Cyprus dan Greek adalah berasaskan kepada status ekonomi lelaki. Lelaki yang tinggal di kawasan bandar akan menerima bayaran yang lebih tinggi daripada lelaki yang tinggal di kampung.²⁰ Pandangan ini turut

¹⁸ Yudi Safitrah, “Amalan Pemberian Mahar dan Hantaran dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Pulau Bangka, Indonesia” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, 2013).

¹⁹ Carol R. Ember dan Melvin Ember, *Cultural Anthropology* (London: Prentice-Hall International, 1988), 170-172.

²⁰ Jack Goody, *Kinship* (Victoria: Penguin Books Ltd, 1971), 128.



disokong oleh Siwan Anderson²¹ yang menyatakan pemberian *dowry* mempunyai kaitan dengan perkahwinan berdasarkan kelas dalam sistem sosial. Individu dari kelas atasan tidak akan berkahwin dengan mereka dari kelas bawahan. Afroza Begum²² mengkaji kesesuaian dan keberkesanannya pendekatan undang-undang terhadap amalan pemberian *dowry* di Bangladesh. Hasil analisis, beliau mencadangkan perlunya penstrukturkan semula undang-undang berkaitan *dowry*. Menurut Padma Srinivasan dan Gary R. Lee pula,²³ sistem amalan *dowry* di India masih diamalkan hingga sekarang walaupun kehidupan semakin moden. Walaupun begitu, mereka mendapati dua per tiga daripada wanita yang telah berkahwin tidak bersetuju dengan amalan tersebut. Pengkaji beranggapan ia menggambarkan wujudnya perubahan sikap penerimaan wanita pada zaman sekarang berbanding dengan pada zaman dahulu. Bagi Nithya N.R²⁴ dan Mary K. Shenk,²⁵ pembayaran *dowry* dalam kalangan masyarakat di India mempunyai kaitan dengan isu sosial. Ia merupakan satu bentuk tekanan emosi kepada kaum wanita dan bebanan kewangan kepada kaum bapa yang mempunyai anak perempuan. Bebanan ini dilihat merupakan satu isu kezaliman dan pengabaian terhadap kaum wanita, sehingga ia boleh membawa kepada isu pembunuhan bayi perempuan. Apa yang pasti, perbelanjaan untuk *dowry* yang merupakan dilihat lebih memberi tekanan kepada kaum perempuan kerana mereka terpaksa menyediakan satu jumlah permintaan yang tinggi berdasarkan kepada kelas

²¹ Siwan Anderson, “The Economics of Dowry and Brideprice”, *Journal of Economic Perspectives* 21, no. 4 (Fall 2007), 151-174.

²² Afroza Begum, “Dowry in Bangladesh: A Seacrh from an International Perspective for an Effective Ligal Approach to Mitigate Women’s Experiences”, *Journal of International Women’s Studies* 15 no. 2 (July 2014), 249-267.

²³ Padma Srinivasan dan Gary R. Lee, “The Dowry System in Nothern India: Women’s Attitudes and Social Change”, *Journal of Marriage and Family* 66 (Disember 2004), 1108-1117.

²⁴ Nithya N.R, “Institutionalization of Dowry in India: Social Custom or Modern Malaise”, *Journal of Sience and Research* 2, no. 9 (September 2013), 46-50.

²⁵ Mary K. Shenk, “Dowry and Public Policy in Contemporary India: The Behavioral Ecology of a ‘Sosial Evil’”, *Human Nature* 18 (2007), 242-263.



sosial pihak lelaki. Ia berbeza dengan elemen perbelanjaan asas dalam Islam yang lebih tertumpu kepada pemberian mas kahwin yang perlu diselesaikan oleh pihak lelaki. Bagi masyarakat Melayu Muslim, pihak lelaki mungkin perlu menyediakan wang hantaran sebagai salah satu adat perkahwinan masyarakat Melayu. Penyediaan elemen perbelanjaan ini hanya terfokus kepada pihak lelaki, bertepatan dengan kedudukan lelaki sebagai orang yang lebih bertanggungjawab dalam urusan perbelanjaan rumah tangga berbanding dengan perempuan. Ia sebagai satu persediaan awal bagi melatih pelaksanaan tanggungjawab suami dalam menunaikan tuntutan pemberian nafkah kepada isteri setelah berkahwin.

Secara keseluruhan, kajian berkenaan elemen perbelanjaan asas dalam perkahwinan merangkumi perbincangan tentang mas kahwin, wang hantaran, *dowry* dan *brideprice*. Kesemua elemen ini akan melibatkan peruntukan perbelanjaan sama ada daripada pihak lelaki, mahupun perempuan. Bagi masyarakat Muslim, perbelanjaan lebih tertumpu kepada elemen mas kahwin kerana ia merupakan pemberian yang wajib diselesaikan oleh pihak lelaki. Masyarakat Muslim yang masih mengamalkan adat istiadat perkahwinan Melayu pula lazimnya memerlukan kepada pembayaran wang hantaran sebagai elemen sampingan selain daripada mas kahwin. Meskipun elemen ini tidak pernah disyariatkan, namun perbelanjaan untuknya diterima dalam Islam berasaskan kepada kedudukannya sebagai satu adat yang diterima syarak. Bagi masyarakat bukan Islam, perbelanjaan bukan hanya tertumpu kepada bayaran perkahwinan oleh pihak lelaki, malah pihak perempuan turut terlibat apabila elemen perbelanjaan asas dalam perkahwinan bagi sesetengah mereka terdiri daripada *dowry* dan *brideprice*. Apa yang jelas, setiap perkahwinan sama ada dalam kalangan masyarakat Muslim atau pun bukan Muslim akan melibatkan perbelanjaan tertentu khususnya yang melibatkan pemberian dan bayaran di awal perkahwinan.

AMALAN SAMBUTAN MAJLIS PERKAHWINAN

Terdapat pelbagai bentuk kajian tentang amalan sambutan majlis perkahwinan. Di Timur Tengah khususnya negara Arab, sambutan majlis perkahwinan lebih dikenali dengan *haflat al-zifāf*. Tāhir



Muhammad Maṭar al-Adīnāt²⁶ menganalisis hukum berkaitan amalan dalam sambutan *ḥaflat al-zifāf* dari perspektif syarak. Hasil kajian mendapati sebahagian daripada amalan sambutan *ḥaflat al-zifāf* tidak bercanggah dengan ajaran Islam seperti bacaan surah al-Fatihah selepas selesai bertunang atau akad nikah, manakala sebahagiannya pula adalah tidak diharuskan termasuk majlis perkahwinan yang mempunyai unsur maksiat. Beliau berpandangan bahawa kaum muda pada masa sekarang perlu membuat persediaan rapi dari segi kewangan bagi memenuhi keperluan persedian perkahwinan termasuk majlis pertunangan, bayaran mas kahwin dan pelbagai bentuk unsur-unsur adat baharu dalam sambutan perkahwinan. Ḥanān ‘Isā Alḥmad al-Ribā²⁷ mengemukakan garis panduan yang perlu dipatuhi dalam setiap adat sambutan perkahwinan masyarakat Arab yang bermula dari proses bertunang hingga mahligai majlis *ḥaflat al-zifāf*. Beliau turut mengetengahkan isu pembaziran dalam sambutan majlis perkahwinan. Menurut beliau, Islam melarang pembaziran yang berlaku dalam sambutan perkahwinan seperti sambutan secara besar-besaran di hotel mewah, penyediaan kad kahwin mewah dan kos persiapan pakaian pasangan yang terlalu tinggi. Pandangan beliau ini bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Mohamad Akram Laldin²⁸ dan Surtahman Kastin Hasan²⁹ yang menekankan perbelanjaan secara sederhana dan bermanfaat dengan mengelakkan unsur pembaziran dalam hal berkaitan kepenggunaan. Kesederhanaan merupakan salah satu daripada lima prinsip kepenggunaan yang dikemukakan oleh Muhammad

²⁶ Tāhir Muhammad Maṭar al-Adīnāt, “Maẓāhir al-Zifāf al-Mu’āṣir min Manzūr Islāmī” (Tesis Sarjana, Universiti Mu’tah, 2006).

²⁷ Ḥanān ‘Isā Alḥmad al-Ribā, “al-Dawābiṭ al-Syar‘iyyah li ḥaflāt al-Khiṭbah wa al-‘Aqd wa al-Zifāf: Dirāsah Fiqhiyyah Mu‘āṣirah” (Tesis Sarjana, Universiti Yarmuk, 2009).

²⁸ Mohamad Akram Laldin, “Pengurusan dan Perbelanjaan Harta dalam Islam: Keutamaan dan Pendekatan,” dalam *Maqasid Syariah Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2013), 27-46.

²⁹ Surtahman Kastin Hasan, “Perbelanjaan Bermanfaat dan Tidak Membazir Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Syariah* 10, no. 2 (2007), 87-98.



Abdul Mannan.³⁰ Prinsip ini amat penting untuk diterapkan dalam urusan perbelanjaan khususnya dalam hal berkaitan persiapan majlis perkahwinan. Antara langkah dalam mewujudkan perbelanjaan secara sederhana yang pernah dikemukakan oleh Basri Abd Ghani, Sayuti Abd Ghani dan Jamal Ali³¹ adalah dengan mendidik akhlak secara Islami, membentuk budaya kendiri dan menekankan pendidikan *infāq*. Menurut beliau, sikap bersederhana akan menghasilkan pelbagai implikasi positif dari aspek ekonomi termasuklah penggunaan secara sistematik serta meningkatkan tabungan.

Jalila Hajji³² mengkaji peranan wanita Muslim dalam persediaan majlis perkahwinan di Morocco. Beliau menemukan masyarakat di sana menghabiskan sejumlah wang yang besar (antara 50,000 NOK hingga lebih daripada 80,000 NOK menyamai antara RM 25,000 hingga RM 45,000.00) untuk persediaan majlis perkahwinan. Majlis besar-besaran ini bukan bermakna mereka dari golongan berada tetapi ia sebagai lambang signifikan kemewahan majlis perkahwinan. Lazimnya bapa pengantin perempuan akan bertanggungjawab untuk menguruskan perbelanjaan majlis tersebut dengan cara menabung sejak anak mereka masih kecil. Ada juga sebahagian daripada mereka yang terpaksa meminjam sejumlah wang daripada bank bagi tujuan menyelesaikan perbelanjaan tersebut. Isu berhutang untuk tujuan perbelanjaan bagi persiapan perkahwinan seperti yang dikemukakan ini adalah satu perkara yang perlu difikirkan kerasionalannya. Abdul Halim Abd. Kadir, Nor ‘Azzah Kamri dan Baharom Kassim³³ pernah mengutarakan antara cabaran semasa dalam isu kepenggunaan

³⁰ Muhammad Abdul Manan, *Islamic Economics: Theory and Practice* (Cambridge: The Islamic Academy, 1986) 44-47.

³¹ Basri Abd Ghani, Sayuti Abd Ghani dan Jamal Ali, “Kepenggunaan Islam dalam Masalah Asas Ekonomi”, *Jurnal Intelek* 5, no. 1 (2010), 1-13.

³² Jalila Hajji, “A Moroccan Wedding Ceremony Between Traditions and Modernity: The Role of Women in the Preparations” (Tesis Sarjana, Universiti Tromso, 2008).

³³ Abdul Halim Abd. Kadir, Nor ‘Azzah Kamri dan Baharom Kassim, “Maqasid Syariah: Isu-isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran,” dalam *Maqasid Syariah Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*, ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2013), 1-25.



pada masa kini adalah senario berhutang dalam kalangan masyarakat Muslim. Mereka menyuarakan industri perbankan sekarang amat menggalakkan budaya berhutang sedangkan dari perspektif Islam, ia adalah satu aktiviti yang tidak baik dan perlu dijauhi melainkan dalam keadaan kesempitan.

Kajian sambutan perkahwinan dalam kalangan masyarakat Muslim tempatan lebih tertumpu kepada masyarakat Melayu. Fatimah Abdullah³⁴ memberi tumpuan kepada perubahan upacara perkahwinan dalam keluarga masyarakat Melayu Muslim golongan kelas menengah. Hasil pemerhatian, beliau mendapati perubahan cara sambutan perkahwinan dalam masyarakat moden di bandar kini semakin menonjolkan nilai perdagangan, individualisme dan semakin jauh meninggalkan perpaduan kelompok. Lokasi perkahwinan yang biasa diadakan di rumah pengantin kini berpindah ke luar rumah seperti hotel dan dewan. Begitu juga dengan perubahan pada menu hidangan dalam majlis perkahwinan, pakaian pengantin dan kad jemputan. Rabiatul Adawiyah Abd Rahman³⁵ mengkaji perubahan sosial yang berlaku dalam gaya jamuan makan bagi upacara perkahwinan masyarakat Muslim di bandar raya Shah Alam, Selangor. Beliau menemui antara faktor perubahan gaya jamuan bagi kenduri perkahwinan adalah faktor sosio ekonomi, perubahan cara hidup, perubahan budaya masyarakat dan persekitaran kawasan. Perubahan ini serba sedikit telah mengurangkan semangat kerjasama dan interaksi sesama masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Seterusnya, Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain³⁶ mengkaji perkahwinan dan kekeluargaan masyarakat Muslim Cam di Kemboja dan Kelantan. Masyarakat Cam merupakan satu etnik dalam rumpun Melayu-polinesia. Mereka mendapati amalan sambutan perkahwinan mereka sejak

³⁴ Fatimah Abdullah, “Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan”, *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27, no. 1 (Jun - Disember 2009), 97-107.

³⁵ Rabiatul Adawiyah Abd Rahman, “Assessing the Transformations of the Malay Wedding Foodways: A Social Perspective” (Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Mara, 2009).

³⁶ Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain, “Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam”, *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 28, no. 2 (2010), 155-173.



kebelakangan ini banyak terpengaruh dengan cara sambutan perkahwinan masyarakat Melayu Muslim di Kelantan. Dalam penyediaan jamuan contohnya, mereka terpengaruh dengan trend penyajian secara tempahan (*catering*) kerana ia lebih praktik dan memudahkan.

Sambutan perkahwinan masyarakat Melayu Muslim bukan hanya terfokus kepada kemeriahan pada hari majlis perkahwinan berlangsung sahaja, malah terdapat pelbagai adat istiadat yang perlu dilalui oleh setiap pasangan, sama ada sebelum mahupun selepas majlis perkahwinan. Istilah-istilah berkaitan amalan dan adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Muslim dikumpul dan diperincikan oleh Yaacob Harun.³⁷ Ia juga pernah diperjelaskan oleh pengkaji-pengkaji adat Melayu seperti Syed Alwi Sheikh Al-Hadi,³⁸ Mohtar Md. Dom³⁹ dan Amran Kasimin.⁴⁰ Kajian mereka memperlihatkan terdapat pelbagai adat khusus untuk sambutan perkahwinan bermula dari amalan merisik, hingga pasangan diraikan dalam majlis persandingan dan upacara-upacara selepasnya. Norhuda Salleh⁴¹ mendapati antara adat yang tidak dapat dipisahkan dengan majlis pertunangan adalah penyediaan tepak sirih. Pemberian tepak sirih oleh pihak lelaki merupakan simbol komunikasi bukan lisan kepada pembuka kata, persetujuan, penerimaan dan penolakan bagi adat bertunang. Dalam kajian yang berlainan, Norhuda Salleh⁴² juga membuat perbandingan amalan pemberian tepak sirih dalam adat pertunangan antara masyarakat Melayu Muslim di

³⁷ Yaacob Harun, *Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu: Konsep Asas* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1995), 93-140.

³⁸ Syed Alwi Sheikh Al-Hadi, *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 19-45.

³⁹ Mohtar Md. Dom, *Malay Wedding Customs* (Kuala Lumpur: Federal Publications, 1979), 1-80.

⁴⁰ Amran Kasimin, *Perkahwinan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 6-73.

⁴¹ Norhuda Salleh, “Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu”, *Jurnal Komunikasi* 30 (Special Issue) (2014), 177-190.

⁴² Norhuda Salleh, “Tepak Sirih: Interpretasi dan Persepsi dalam Masyarakat Malaysia-Indonesia”, *Jurnal Komunikasi Borneo* 1 (2014), 39-55.



Malaysia dan Indonesia. Menurut beliau, amalan ini turut berlaku dalam masyarakat Melayu Muslim di Indonesia dan mempunyai peranan yang sama iaitu sebagai pembuka bicara kepada majlis pertunungan.

Heather Strange⁴³ mengkaji pengurusan perkahwinan oleh kaum wanita Muslim di Kampung Rusila, Terengganu. Beliau mendapati wanita berperanan besar dalam mengurus adat dan amalan perkahwinan di Rusila bermula daripada upacara bertunang, majlis jamuan perkahwinan termasuk upacara bersanding hingga selesainya majlis perkahwinan. Dalam adat penyediaan hantaran perkahwinan, Aishah @ Esah Mohamed, Sulong Mohamad dan Haziyah Hussain⁴⁴ menemui daripada sejumlah hantaran perkahwinan yang lazimnya berjumlah angka ganjil, salah satu atau beberapa hantaran tersebut adalah terdiri daripada hantaran berbentuk makanan. Mereka mendapati hantaran-hantaran berbentuk makanan ini digubah dengan secantiknya di dalam bekas yang cantik dan mahal. Setiap hantaran itu juga mempunyai maksud tertentu seperti bagi melambangkan kesuburan, kekuatan, keberkatan, kesatuan dan sebagainya.

Berdasarkan kepada kajian-kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa sambutan perkahwinan menjadi satu tradisi dan adat kebiasaan bagi masyarakat Muslim. Cara sambutannya mungkin berbeza di antara kelompok masyarakat kerana wujudnya kepelbagaian adat setempat. Bagi masyarakat Melayu Muslim, sambutan perkahwinan turut dimeriahkan dengan kepelbagaian adat yang perlu dilalui oleh pasangan bermula dari sebelum tiba hari perkahwinan. Kepelbagaian adat ini akan memberi kesan kepada corak perbelanjaan perkahwinan bagi setiap individu. Perbelanjaan bukan hanya tertumpu kepada persiapan untuk hari berlangsungnya majlis perkahwinan, malah ia turut diperlukan sebelum majlis tersebut, seperti bagi menjayakan majlis pertunungan dan sebagainya. Perubahan cara sambutan majlis perkahwinan yang dilihat semakin meriah dan menonjolkan nilai

⁴³ Heather Strange, *Rural Malay Women in Tradition and Transition* (New York: Praeger, 1981), 117-127.

⁴⁴ Aishah @ Esah Mohamed, Sulong Mohamad dan Haziyah Hussain, “Makanan Hantaran dalam Perkahwinan Kelantan: Adat dan Interpretasi”, *Jurnal e-Bangi* 5, no. 1 (2010), 103-115.



perdagangan sudah tentu memerlukan kepada satu perbelanjaan yang lebih besar.

PERBELANJAAN DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

Kajian tentang perbelanjaan dalam institusi kekeluargaan telah dilakukan dalam pelbagai aspek dan dimensi yang berbeza. Basri Abd. Ghani dan Abd Aziz Harjin⁴⁵ mengkaji gelagat penggunaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam kalangan pengguna Muslim di Kangar, Perlis. Mereka mendapati responden meperuntukan perbelanjaan untuk barang keperluan penggunaan dengan wajar. Kajian turut menunjukkan permintaan barang *hājiyyāt* dan *tahsīniyyāt* adalah tinggi kerana dipengaruhi oleh faktor pendapatan yang tinggi. Menurut Basri Abd. Ghani dan Sayuti Ab. Ghani,⁴⁶ terdapat perbezaan antara gelagat penggunaan barang di antara penduduk kawasan bandar dan luar bandar. Ia dibuktikan dalam kajian mereka apabila mendapati responden di daerah Arau yang mewakili penduduk kawasan luar bandar lebih menepati teori penggunaan Islam berbanding dengan responden dari Bandar Baru Bangi yang mewakili penduduk kawasan bandar. Penduduk bandar lebih cenderung untuk berbelanja bagi mendapatkan barang *hājiyyāt* dan *tahsīniyyāt*. Dalam isu sumbangan isteri melalui pendapatannya dalam perbelanjaan rumah tangga, Azhar Abdul Aziz⁴⁷ menemui 88.2% pasangan suami isteri telah berkongsi pendapatan dalam aspek perbelanjaan nafkah asasi. Manakala bagi perbelanjaan untuk nafkah bukan asasi, ia turut dikongsi oleh 84.2% pasangan. Apa yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji di atas adalah bagi melihat sejauh mana masyarakat Muslim menguruskan perbelanjaan mengikut

⁴⁵ Basri Abd. Ghani dan Abd Aziz Harjin, “Penggunaan dari Perspektif Ekonomi Islam: Kajian ke atas Pengguna Muslim Kangar Perlis” (laporan penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Perlis, 2005).

⁴⁶ Basri Abd. Ghani dan Sayuti Ab. Ghani, “Teori Gelagat Pengguna: Kajian Gelagat Pengguna Muslim ke atas Barang Keperluan di Arau, Perlis dan di Bangi, Selangor” (laporan penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Perlis, 2006)

⁴⁷ Azhar Abdul Aziz, “Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2012).



keutamaan berdasarkan kehendak manusia. Shukeri Mohamad⁴⁸ mendefinisikan perbelanjaan sebagai membelanjakan harta untuk mendapat keperluan hidup dengan cara yang digariskan oleh Islam. Realitinya, penemuan kajian menunjukkan perbelanjaan responden adalah untuk memenuhi bentuk kehendak manusia yang dibenarkan dalam Islam. Menurut Afzal-Ur-Rahman,⁴⁹ kehendak manusia dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu i) keperluan hidup, ii) keperluan kecekapan, iii) keperluan keselesaan dan iv) kemewahan. Menurut beliau, berbelanja untuk tiga keperluan pertama adalah diharuskan dalam Islam. Manakala perbelanjaan bagi kategori kemewahan adalah dilarang kerana ia menggalakkan pertumbuhan industri yang tidak produktif, tidak bermoral, malah boleh membawa kepada keruntuhan masyarakat.

Terdapat juga kajian yang menfokuskan kepada perbelanjaan pada musim atau bulan yang tertentu. Naimah Mohd Salleh *et al.*⁵⁰ mengkaji pola perbelanjaan institusi keluarga terhadap persiapan awal persekolahan anak-anak. Pungutan data melalui set borang soal selidik yang diedarkan kepada 326 keluarga di Malaysia menunjukkan sebanyak 32.5% keluarga memperuntukkan sekirat RM 501- RM 1000 bagi tujuan perbelanjaan awal persekolahan, manakala 27% keluarga memperuntukkan antara RM 301- RM 500. Hasil analisis, pengkaji berpandangan berdasarkan peruntukan kewangan yang disediakan untuk perbelanjaan ini, hanya sebahagian kecil keluarga sahaja yang membuat peruntukan yang sesuai dengan realiti kos perbelanjaan awal persekolahan sebenar. Ezani Yaakob, Mohd Nor Mamat dan Abu Sufian Abd Ghani⁵¹ pula menumpu terhadap gelagat perbelanjaan masyarakat pada bulan Ramadhan. Mereka menemui rata-rata responden (68.4%) menyatakan tahap perbelanjaan pada bulan tersebut masih

⁴⁸ Shukeri Mohamad, “Maqasid al-Syariah dalam Pengurusan Harta”, *Monograf Syariah* 4 (Mei 1996), 1-25.

⁴⁹ Afzal-Ur-Rahman, *Economic Doctrines of Islam* (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1975), 2:18-27.

⁵⁰ Naimah Mohd Salleh, Syuhailly Osman, Mumtazah Othman dan Normaziah Zulkifli, “Pola Perbelanjaan Awal Musim Persekolahan”, *Jurnal Pengguna Malaysia* 15 (Disember 2010), 32-49.

⁵¹ Ezani Yaakob, Mohd Nor Mamat dan Abu Sufian Abd Ghani, “Gelagat Perbelanjaan Masyarakat Muslim pada Bulan Ramadhan: Kajian Kes di Pusat Bandaraya Shah Alam” (laporan penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, 2003).



di tahap sederhana, manakala 6.4% berbelanja secara mewah dan 23.8% pula berbelanja secara jimat. Antara faktor utama dalam berbelanja secara berlebihan pada bulan Ramadhan adalah kurang perancangan dalam berbelanja dan faktor promosi yang dilakukan oleh pihak penjual. Seterusnya, Zuroni Md Jusoh⁵² berpandangan pengguna mempunyai amalan berbelanja yang lebih apabila tiba musim perayaan. Kajian beliau menemui antara amalan yang melibatkan perbelanjaan pada musim perayaan adalah penyediaan duit raya (78.5%), pembelian baju raya (78.5%) dan kunjungan sanak saudara (84.2%). Selain itu antara trend terkini yang melibatkan perbelanjaan adalah anjuran majlis rumah terbuka.

Kajian-kajian lepas jelas menunjukkan pengurusan perbelanjaan dalam kalangan masyarakat memerlukan kepada kawalan dan panduan. Isu berbelanja secara mewah, kurang perancangan perbelanjaan dan peruntukan perbelanjaan yang tidak sesuai dengan realiti kos perbelanjaan sebenar masih menjadi realiti dalam amalan perbelanjaan masyarakat Muslim. Biarpun kajian-kajian ini tidak memfokuskan kepada perbelanjaan untuk perkahwinan, namun ia serba sedikit telah menggambarkan corak dan amalan perbelanjaan masyarakat yang sebenar, khususnya dalam institusi rumah tangga.

ISU-ISU BERKAITAN BEBANAN PERBELANJAAN PERKAHWINAN

Kajian tentang isu-isu berkaitan bebanan perbelanjaan perkahwinan tertumpu kepada faktor dan kesan perbelanjaan yang tinggi serta cara penyelesaiannya. Kajian-kajian seperti ini dalam kalangan masyarakat Muslim dilihat masih kurang diketengahkan secara meluas. Jane Bristol-Rhys⁵³ membincangkan realiti sambutan perkahwinan masyarakat Muslim Emiriah Arab Bersatu UAE. Beliau mendapati sambutannya semakin memerlukan kepada

⁵² Zuroni Md Jusoh, Elistina Abu Bakar, Askiah Jamaluddin dan Bukryman Sabri, “Sikap dan Amalan Perbelanjaan Pengguna pada Musim Perayaan”, *Jurnal Pengguna Malaysia* 15 (Disember 2010), 88-98.

⁵³ Jane Bristol-Rhys, “Weddings, Marriage and Money in the United Arab Emirates”, *Anthropology of the Middle East* 2, no. 1 (Spring 2007), 20-36.



kemudahan dan persiapan yang mewah rentetan daripada pengaruh sambutan majlis perkahwinan masyarakat Barat. Kesannya, sambutan majlis perkahwinan di negara itu memerlukan kepada perbelanjaan yang begitu tinggi. Menurut beliau, perbelanjaan untuk pakej sambutan lengkap di hotel pada kebiasaannya boleh mencapai 400 dirham per individu dan 400,000 dirham (AS \$ 110,000) apabila melibatkan 800 orang tetamu. Kenyataan ini jelas menggambarkan antara faktor bebanan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi adalah kerana terpengaruh dengan cara sambutan masyarakat bukan Islam dari negara Barat. Sambutan perkahwinan di negara Barat sememangnya sering dikaitkan dengan perbelanjaan yang mewah. Kajian oleh Otnes dan Pleck⁵⁴ mendapati bahawa perbelanjaan bersifat mewah telah menjadi amalan yang dianggap lazim dalam kalangan keluarga golongan pertengahan dan berkerjaya. Menurut beliau, perbelanjaan bersifat mewah boleh dianggap membazir kerana wang banyak dihabiskan dalam tempoh yang singkat iaitu hanya bagi meraikan majlis perkahwinan yang diadakan dalam tempoh yang pendek sahaja. Perbelanjaan perkahwinan yang mewah dan berlebih-lebihan ini dilihat sebagai satu cara untuk menunjukkan status dalam masyarakat.⁵⁵ Bagi Sharon Boden pula,⁵⁶ tindakan pasangan membelanjakan kos perkahwinan secara membazir adalah kerana mahukan perkahwinan mereka diingati. Malah menurut kajian oleh Dawn⁵⁷ antara tujuan diadakan majlis perkahwinan yang melibatkan pelbagai bentuk persediaan kewangan termasuk pelbelanjaan untuk pakaian dan majlis jamuan adalah untuk memberitahu kepada masyarakat bahawa pasangan sudah berkahwin. Kajian-kajian berkaitan faktor bebanan perbelanjaan

⁵⁴ Otnes, Cele C., dan Elizabeth H. Pleck, *Cinderella Dreams: The Allure of the Lavish Wedding* (Berkeley: University of California Press, 2003), 3-5.

⁵⁵ Otnes, Cele C., dan Elizabeth H. Pleck, *Cinderella Dreams*, 279.

⁵⁶ Boden, Sharon, *Consumerism, Romance, and the Wedding Experience* (New York: Palgrave Macmillan, 2003).

⁵⁷ Currie, Dawn H., ““Here Comes the Bride”: The Making of a ‘Modern Traditional’ Wedding in Western Culture”, *Journal of Comparative Family Studies* 24, no. 3 (1993), 403-421.



perkahwinan yang mewah turut dilakukan oleh Cheol Park,⁵⁸ Quanbao Jiang, Yanping Zhang dan Jesus J. Sanchez-Barricarte.⁵⁹ Dalam kajian mereka, pengkaji cuba mengetengahkan punca-punca berlakunya perbelanjaan perkahwinan yang tinggi dalam kelompok masyarakat tertentu.

Perbelanjaan secara mewah dalam persiapan majlis perkahwinan sudah tentu akan mendatangkan implikasi negatif dalam kehidupan masyarakat. Apa yang dibelanjakan seolah-olah untuk memenuhi kepuasan peribadi dengan mengikut trend sambutan semasa masyarakat Barat, tanpa menekankan nilai positif ke arah kesejahteraan di akhirat. Walaupun ia merupakan perbelanjaan untuk urusan persiapan perkahwinan, namun ia sewajarnya memenuhi tujuan asas kepenggunaan dalam Islam. Menurut Anas Zarqa',⁶⁰ matlamat asas kepenggunaan dalam Islam adalah untuk memaksimumkan pahala berlandaskan syariat. Dalam teori ekonomi Islam pula, Monzer Kahf⁶¹ menyatakan pengguna adalah pemaksimum *falāh* iaitu kejayaan hidup sama ada di dunia dan akhirat. Ini menggambarkan perbelanjaan dan kepenggunaan bukan hanya untuk mendapat kepuasan daripada barang dan perkhidmatan, malah perlu mempunyai tujuan untuk memperolehi kejayaan di akhirat. Perbelanjaan perkahwinan yang mewah di peringkat masyarakat secara umumnya akan membuka ruang kepada pihak-pihak yang tertentu untuk mengkomersialkan

⁵⁸ Cheol Park, "Consumption in the Korean Wedding Ritual: Wedding Ritual Values, Consumer Needs, and Expenditures", *Journal of Family and Economic Issues* 18, no. 2 (February 1977), 191-209.

⁵⁹ Quanbao Jiang, Yanping Zhang dan Jesus J. Sanchez-Barricarte, "Marriage Expenses in Rural China", *The China Review* 15, no. 1 (Spring 2015), 207-236.

⁶⁰ Anas Zarqa', "A Partial Relationship in a Muslim's Utility Function," dalam *Reading in Microeconomic – An Islamic Perspective*, ed. Sayyid Tahir et. al. (Shah Alam: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1992), 105-112.

⁶¹ Monzer Kahf, "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society," dalam *Studies in Islamic Economics*, ed. Khurshid Ahmad (United Kingdom: The Islamic Foundation, 1980), 19-36.



sambutan majlis perkahwinan. Fatimah Abdullah⁶² dalam kajiannya menyatakan nilai perdagangan dalam majlis perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim semakin menonjol. Kekangan masa, tenaga dan kepakaran, telah mendorong individu untuk menyerahkan pengurusan majlis perkahwinan kepada pihak profesional. Perkara sebegini tidak mustahil semakin berkembang luas dan menjadi satu bentuk industri baharu dalam dunia perniagaan. Menurut Blakely,⁶³ industri perkahwinan menjadi satu industri yang besar yang melibatkan pelbagai industri sampingan seperti industri pengiklanan, pemasaran, berbulan madu dan juga perkhidmatan perunding perkahwinan.

Isu bebanan perbelanjaan perkahwinan juga sering dikaitkan dengan perkahwinan di lewat usia. Menurut Qurratul Aien Fatah Yassin,⁶⁴ antara salah satu punca berlakunya fenomena ini adalah bebanan perbelanjaan untuk mas kahwin dan hantaran yang perlu disediakan oleh kaum lelaki. ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn al-Nawwāb⁶⁵ pula menyatakan bahawa dua sebab tertinggi berlakunya trend membujang dalam kalangan pemuda hari ini adalah ketinggian kadar mas kahwin dan peningkatan bebanan perbelanjaan perkahwinan. Jalāl al-Sanād⁶⁶ menemui dapatan yang agak sama apabila beliau mendapati ketinggian kadar mas kahwin merupakan antara lima faktor kelewatan mendirikan rumah tangga yang paling utama bagi seorang pelajar lelaki. Dalam kajian tersebut, sebanyak 72.73% daripada responden

⁶² Fatimah Abdullah, “Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan”, 101.

⁶³ Blakely, Kristin, “Busy Brides and the Business of Family Life: The Wedding-planning Industry and the Commodity Frontier”, *Journal of Family Issues* 29, no. 5 (2008), 639-662.

⁶⁴ Qurratul Aien Fatah Yassin, “Pendekatan As-Sunah dalam Menangani Fenomena Kahwin Lewat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia”, dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman, Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 296.

⁶⁵ ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn al-Nawwāb, *Ta’akhkhur Sin al-Zawāj* (Riyāḍ: Dār al-‘Āsimah, 1415H), 172-173.

⁶⁶ Jalāl al-Sanād, “Ta’akhkhur Sin al-Zawāj laday al-Syabāb al-Jāmi‘i: Dirāsah Maydāniyyah ‘alā ‘Aynah min Talabah Jāmi‘ah Damsyiq”, *Majallah Jāmi‘ah Damsyiq* 23, no. 1 (2007), 83-124.



lelaki menyatakan ketinggian kadar mas kahwin merupakan faktor berlakunya kelewatan berkahwin. Faktor ini telah mendahului 21 faktor lain yang disenaraikan dalam kajian tersebut. Selain itu perkahwinan di lewat usia, kesan bebanan perbelanjaan perkahwinan juga pernah dikaji dari aspek sosial. Andrew Francis-Tan dan Hugo M. Mialon⁶⁷ yang membuat kajian terhadap 3000 orang rakyat Amerika Syarikat mendapati perbelanjaan perkahwinan mempunyai hubungan dengan tempoh perkahwinan pasangan. Mereka menemui perbelanjaan perkahwinan yang rendah khususnya bagi perbelanjaan cincin pertunangan lebih banyak dikaitkan dengan risiko perceraian berbanding dengan perbelanjaan yang tinggi. Dapatkan mereka sebahagiannya didapati menyokong kesahihan apa yang dikemukakan oleh pihak industri perkahwinan yang mengaitkan perbelanjaan untuk majlis perkahwinan yang tinggi dengan hasil perkahwinan yang positif.

Seterusnya, Sa‘īd ibn Sa‘īd Nāṣir Ḥamdān⁶⁸ pernah membincangkan tentang isu sambutan majlis perkahwinan secara beramai-ramai sebagai salah satu kaedah penyelesaian bebanan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi. Menurut beliau, ia merupakan satu penyelesaian terbaik bagi mereka yang berhadapan dengan masalah kewangan dan juga bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai. Pelaksanaan sambutan majlis perkahwinan secara beramai-ramai juga mampu mendidik individu untuk berbelanja secara sederhana dan tidak membazir, serta membantu menyelesaikan masalah perkahwinan di lewat usia.

Kajian-kajian di atas memberi satu gambaran sebenar tentang situasi yang berlaku masa kini berkaitan dengan bebanan perbelanjaan perkahwinan. Perbelanjaan perkahwinan yang tinggi akan memberi implikasi negatif kepada masyarakat Muslim termasuklah isu trend membujang dan berkahwin di lewat usia.

⁶⁷ Andrew Francis-Tan dan Hugo M. Mialon, ““A Diamond is Forever” and Other Fairy Tales: The Relationship Between Wedding Expenses and Marriage Duration”, *Economic Inquiry* 53, no. 4 (October 2015), 1919-1930.

⁶⁸ Sa‘īd ibn Sa‘īd Nāṣir Ḥamdān, “Ittijāhāt al-Syabāb Naḥw Ḥaflāt al-Zīfāf al-Jamā‘iyyah: Dirāsah Waṣfiyyah Taḥlīliyyah ‘alā Ṭulāb Jāmi‘ah al-Mālik Khālid bi Maḍīnah Abhā - al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah”, *al-Ijtīmā‘iyyah* 5 (2012), 10-54.



Kajian yang menyarankan untuk diadakan sambutan majlis perkahwinan secara beramai-ramai bagi menyelesaikan bebanan perbelanjaan perkahwinan jelas menunjukkan isu ini perlu diambil cakna dan dipandang serius oleh mereka yang terlibat dalam urusan perbelanjaan perkahwinan sama ada di peringkat individu, ahli keluarga maupun pihak berkuasa.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Hasil daripada penulisan di atas, berikut adalah gambaran keseluruhan tentang kajian-kajian lepas:

Bil.	Tema	Sub Tema	Kajian
1.	Elemen Perbelanjaan Asas dalam Perkahwinan	Konsep Asas Mas Kahwin	Salmā Sālim al-Jam‘āni (2006); Hasbi Muh. Ali dan Raihanah Azahari (2013); Anas Muṣṭafā Abū ‘Atā (2006); Sayf Ibn Rāshid al-Jābirī (2008)
		Realiti Kedudukan dan Amalan Pemberian Mas Kahwin dan Wang Hantaran	Asming Yalawae, Mustafa ’Afifi Ab. Halim dan Nisar Mohd (2011); Syh Noorul Madiah Syed Husin (2014); Zainunnisa Abdul Rahman (2007); Nora Abdul Haq; Zurita Mohd Yusoff (2008); Raihanah Azahari (2006)
		Kajian Tinjauan Terhadap Mas Kahwin dan Wang Hantaran	Noryamin Aini (2014); Hasbi Muh Ali (2013); Siti Nor Ahiasah Shafak Ahmad (2012); Raihanah Azahari, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab (2009); Wan Bazli Fariz Wan Bakar (2001); Asnilawati Arifin (2009); Yudi Safitrah (2013)
		Perbelanjaan Asas bagi Perkahwinan Masyarakat Bukan Islam	Carol R. Ember dan Melvin Ember (1988); Jack Goody (1971); Siwan Anderson (2007); Afroza Begum (2014); Padma Srinivasan dan Gary R. Lee (2004); Nithya N.R (2013); Mary K. Shenk (2007)



Perbelanjaan Perkahwinan bagi Masyarakat Muslim: Analisis Literatur

2. Amalan Sambutan Majlis Perkahwinan	<i>Haflah al-Zifāf</i> di Timur Tengah Perubahan Sosial dalam Sambutan Majlis Perkahwinan Amalan Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	Tahir Muhammad Matar al-Adinat (2006); Ḥanān ‘Isā Aḥmad al-Ribā‘ (2009); Jalila Hajji (2008); Fatimah Abdullah (2009); Rabiatul Adawiyyah Abd Rahman (2009); Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain (2010) Syed Alwi Sheikh Al-Hadi (1980); Mohtar Md. Dom (1979); Amran Kasimin (2002); Yaacob Harun (1995); Heather Strange (1981); Norhuda Salleh (2014a); Norhuda Salleh (2014b); Aishah @ Esah Mohamed, Sulong Mohamad dan Haziyah Hussain (2010)
3. Perbelanjaan dalam Institusi Kekelihargaan	Perbelanjaan Barang dan Perkhidmatan	Basri Abd. Ghani dan Abd Aziz Harjin (2005); Basri Abd. Ghani dan Sayuti Ab. Ghani (2006)
	Perbelanjaan Pasangan Rumah Tangga	Azhar Abdul Aziz (2012)
	Perbelanjaan dalam Bulan dan Musim Tertentu	Naimah Mohd Salleh (2010); Ezani Yaakob, Mohd Nor Mamat & Abu Sufian Abd Ghani (2003); Zuroni Md Jusoh, Elistina Abu Bakar (2010)
4. Isu-isu Berkaitan Bebanan Perbelanjaan Perkahwinan	Faktor Bebanan Perbelanjaan Perkahwinan yang Tinggi	Jane Bristol-Rhys (2007); Otnes dan Pleck (2003); Boden (2003); Dawn (1993); Cheol Park (1977); Quanbao Jiang, Yanping Zhang dan Jesus J. Sanchez-Barricarte (2015);
	Kesan Bebanan Perbelanjaan Perkahwinan	Fatimah Abdullah (2009); Blakely (2008); Qurratul Aien Fatah Yassin (2011); ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn Al Nawwāb (1415H); Jalāl al-Sanād (2007); Francis dan Hugo (2015)
	Penyelesaian Bebanan Perbelanjaan Perkahwinan	Sa‘īd Ibn Sa‘īd Nāṣir Hamdān (2012)

Jadual 1: Ringkasan Kajian Lepas

Berdasarkan jadual 1 di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat empat tema kajian yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak dengan kajian tentang perbelanjaan perkahwinan bagi masyarakat Muslim. Dalam tema yang pertama dan kedua, didapati sememangnya terdapat banyak kajian dilakukan berkaitan elemen perbelanjaan asas dalam perkahwinan



dan amalan sambutan majlis perkahwinan. Namun ia dilakukan secara berasingan, tanpa mengaitkan dua isu tersebut kepada persoalan tentang perbelanjaan. Bagi kajian yang melibatkan isu mas kahwin, perbincangannya adalah secara teori melibatkan persoalan hukum dan kedudukannya dari perspektif syarak serta perundangan semasa. Kajian tentang wang hantaran pula tidak banyak dibahaskan secara khusus, malah ia dibincang sebagai isu sampingan dalam kajian-kajian berkaitan mas kahwin. Kajian-kajian berbentuk tinjauan terhadap isu mas kahwin dan wang hantaran lebih tertumpu kepada kebiasaan dan realiti amalan tersebut dalam kalangan masyarakat tempatan. Sememangnya terdapat beberapa pengkaji tempatan menyuarakan tentang ketinggian kadar wang hantaran berbanding dengan mas kahwin, namun apa yang digambarkan masih tidak memberi gambaran perbelanjaan perkahwinan yang sebenar, kerana ia hanya terfokus kepada bayaran wang hantaran. Adapun perbelanjaan perkahwinan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merangkumi kesemua perbelanjaan yang diperlukan untuk persiapan perkahwinan dari sebelum majlis perkahwinan sehingga selepas selesai majlis. Kajian terhadap bayaran *dowry* dan *brideprice* pula jelas menggambarkan kewujudan elemen perbelanjaan asas bagi perkahwinan masyarakat bukan Islam. Namun perbelanjaan untuk dua elemen tersebut tidak melibatkan masyarakat Muslim. Seterusnya, kajian berkenaan amalan sambutan majlis perkahwinan membincangkan tentang kaitannya dari perspektif fiqh dan peranan kaum wanita dalam menjayakannya. Kajian dalam kalangan masyarakat Muslim tempatan yang tertumpu kepada masyarakat Melayu lebih membentangkan isu perubahan sosial dalam cara sambutan oleh masyarakat pada masa kini. Bagi pengkaji-pengkaji adat Melayu, mereka lebih memberi fokus kepada tradisi dan adat yang diamalkan secara turun temurun, tanpa dilihat dari konteks apa yang dibelanjakan untuk menjayakan adat-adat tersebut.

Bagi kajian yang melibatkan gaya perbelanjaan, sememangnya terdapat banyak kajian yang mengutarakan perbelanjaan dalam konteks institusi kekeluargaan. Namun kajian lebih banyak terfokus kepada perbelanjaan untuk barang keperluan harian individu dan perbelanjaan pada musim-musim tertentu sahaja. Tidak dinafikan, terdapat juga kajian yang dilihat secara langsung



mengkaji tentang realiti perbelanjaan perkahwinan dalam kalangan pasangan yang berkahwin. Namun kajian seperti itu sangat terhad dilakukan dalam kalangan masyarakat Muslim. Kajian juga tidak dilakukan secara mendalam dan sebahagian kajian hanya mengaitkan bebanan perbelanjaan perkahwinan yang tinggi dengan kadar mas kahwin, tanpa menyentuh elemen perbelanjaan yang lain.

Walaupun terdapat pelbagai kajian dalam empat tema tersebut, namun ia bukan merupakan kajian yang khusus tentang perbelanjaan perkahwinan bagi masyarakat Muslim. Ia merupakan kajian-kajian berasaskan dalam skop yang berbeza. Justeru, satu kajian penerokaan terhadap realiti perbelanjaan perkahwinan yang berlaku dalam masyarakat Muslim perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana perbelanjaan tersebut selari dengan tuntutan perkahwinan dan perbelanjaan dalam Islam. Ia adalah penting untuk dilaksanakan bagi memenuhi lompong kajian khususnya dalam bidang kekeluargaan Islam yang kurang memberi tumpuan kepada isu perbelanjaan perkahwinan.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn al-Nawwāb. *Ta’akhkhur Sin al-Zawāj*. Riyāḍ: Dār al-Āsimah, 1415H.
- Abdul Halim Abd. Kadir, Nor ‘Azzah Kamri dan Baharom Kassim. “Maqasid Syariah: Isu-isu Kepenggunaan, Realiti dan Cabaran.” Dalam *Maqasid Syariah Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*. Ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2013), 1-25.
- Afzal-Ur-Rahman. *Economic Doctrines of Islam*. Lahore: Islamic Publications Ltd., 1975.
- Afroza Begum. “Dowry in Bangladesh: A Seach from an International Perspective for an Effective Legal Approach to Mitigate Women’s Experiences”. *Journal of International Women’s Studies* 15, no. 2 (July 2014), 249-267.
- Aishah @ Esah Mohamed, Sulong Mohamad dan Haziyah Hussain. “Makanan Hantaran dalam Perkahwinan Kelantan:



- Adat dan Interpretasi”. *Jurnal e-Bangi* 5, no. 1 (2010), 103-115.
- Amran Kasimin. *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Anas Muṣṭafā Abū ‘Aṭā. “Miqdār al-Mahr wa al-Sulṭah Waliy al-Amr fī Taḥdīdih: Dirāsah Fiqhiyyah”. *Jurnal al-Mannārah* 12, no. 3 (2006), 11-51.
- Anas Zarqa’. “A Partial Relationship in a Muslim’s Utility Function.” Dalam *Reading in Microeconomic - An Islamic Perspective*, Sayyid Tahir, Aidit Ghazali dan Syed Omar Syed Agil (Shah Alam: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1992).
- Andrew Francis-Tan dan Hugo M. Mialon. ““A Diamond is Forever” and Other Fairy Tales: The Relationship Between Wedding Expenses and Marriage Duration”. *Economic Inquiry* 53, no. 4 (October 2015), 1919-1930.
- Asming Yalawae, Mustafa ’Afifi Ab. Halim dan Nisar Mohd. “The Concept of Mahr from the Perspectives of Islam and Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984”. *Jurnal al-Sirat* 12 (September 2011), 41-51.
- Asnilawati Arifin. “Mahar dan Hantaran dalam Masyarakat Aceh dan Kelantan: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam” (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).
- Azhar Abdul Aziz. “Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2012).
- Basri Abd Ghani, Sayuti Abd Ghani dan Jamal Ali. “Kepenggunaan Islam dalam Masalah Asas Ekonomi”. *Jurnal Intelek* 5, no. 1 (2010), 1-13.
- Basri Abd. Ghani dan Abd Aziz Harjin. “Penggunaan dari Perspektif Ekonomi Islam: Kajian ke atas Pengguna Muslim



- Kangar Perlis.” Laporan Penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Perlis, 2005.
- Basri Abd. Ghani dan Sayuti Ab. Ghani. “Teori Gelagat Pengguna: Kajian Gelagat Pengguna Muslim ke atas Barang Keperluan di Arau, Perlis dan di Bangi, Selangor” Laporan Penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Perlis, 2006.
- Blakely, Kristin. “Busy Brides and the Business of Family Life: The Wedding-planning Industry and the Commodity Frontier”. *Journal of Family Issues* 29, no. 5 (2008), 639-662.
- Boden, Sharon. *Consumerism, Romance and the Wedding Experience*. New York: Palgrave Macmillan, 2003.
- Carol R. Ember dan Melvin Ember. *Cultural Anthropology*. London: Prentice-Hall International, 1988.
- Cheol Park. “Consumption in the Korean Wedding Ritual: Wedding Ritual Values, Consumer Needs, and Expenditures”. *Journal of Family and Economic Issues* 18, no. 2 (February 1977), 191-209.
- Currie, Dawn H. “‘Here Comes the Bride’: The Making of a ‘Modern Traditional’ Wedding in Western Culture”. *Journal of Comparative Family Studies* 24, no. 3 (1993), 403-421.
- Ezani Yaakob, Mohd Nor Mamat dan Abu Sufian Abd Ghani. “Gelagat Perbelanjaan Masyarakat Muslim pada Bulan Ramadhan: Kajian Kes di Pusat Bandaraya Shah Alam” Laporan Penyelidikan, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, 2003.
- Fatimah Abdullah. “Dari Halaman Rumah ke Dewan Merak Kayangan”. *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27, no. 1 (Jun- Disember 2009), 97-107.
-
- _____. Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain, “Perkahwinan dan Keluarga dalam Masyarakat Cam”. *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 28, no. 2 (2010), 155-



173.

Ḩanān ‘Īsā Ahmād al-Ribā. “al-Dawābiṭ al-Syar‘iyyah li ḥaflāt al-Khiṭbah wa al-‘Aqd wa al-Zifāf: Dirāsah Fiqhīyyah Mu‘āṣirah” (Tesis Sarjana, Universiti Yarmuk, 2009).

Hasbi Muh. Ali dan Raihanah Azahari. “Objektif Syariah dalam Pemberian Mahar”. *Jurnal Fiqh* 10 (2013), 57-76.

Hasbi Muh Ali. “Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita: Kajian di Tawau Sabah” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, 2013).

Heather Strange. *Rural Malay Women in Tradition and Transition*. New York: Praeger, 1981.

Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī*. Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1986.

Jack Goody, *Kinship*. Victoria: Penguin Books Ltd, 1971.

Jalāl al-Sanād. “Ta’akhkhur Sin al-Zawāj laday al-Syabāb al-Jāmi‘i: Dirāsah Maydāniyyah ‘alā ‘Aynah min Ṭalabah Jāmi‘ah Damsyiq”. *Majallah Jāmi‘ah Damsyiq* 23, no. 1 (2007), 83-124.

Jalila Hajji. “A Moroccan Wedding Ceremony Between Traditions and Modernity: The Role of Women in the Preparations” (Tesis Sarjana, Universiti Tromso, 2008).

Jane Bristol-Rhys. “Weddings, Marriage and Money in the United Arab Emirates”. *Anthropology of the Middle East* 2, no. 1 (Spring 2007), 20-36.

Mary K. Shenk, “Dowry and Public Policy in Contemporary India: The Behavioral Ecology of a ‘Sosial Evil’”. *Human Nature* 18 (2007), 242-263.

Mohamad Akram Laldin. “Pengurusan dan Perbelanjaan Harta dalam Islam: Keutamaan dan Pendekatan.” Dalam *Maqasid Syariah Isu-isu Kepenggunaan: Realiti dan Cabaran*. Ed. Abdul Karim Ali dan Mohd Nazri Chik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2013), 27-46.

Mohtar Md. Dom. *Malay Wedding Customs*. Kuala Lumpur:



Federal Publications, 1979.

Monzer Kahf. "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society." Dalam *Studies in Islamic Economics*. Ed. Khurshid Ahmad (United Kingdom: The Islamic Foundation, 1980).

Muhammad Abdul Manan, *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge: The Islamic Academy, 1986.

Naimah Mohd Salleh, Syuhaily Osman, Mumtazah Othman dan Normaziah Zulkifli. "Pola Perbelanjaan Awal Musim Persekolahan". *Jurnal Pengguna Malaysia* 15 (Disember 2010), 32-49.

Nithya N.R. "Institutionalization of Dowry in India: Social Custom or Modern Malaise". *Journal of Science and Research* 2, no. 9 (September 2013), 46-50.

Nora Abdul Haq. "Right of Women to Mahar (Dower) Under Islamic Law and Malaysian Family Law: Some Suggestion for Reforma". *Journal of Islamic Law Review* 8 (2012), 215-229.

Norhuda Salleh. "Tepak Sirih: Interpretasi dan Persepsi dalam Masyarakat Malaysia-Indonesia". *Jurnal Komunikasi Borneo* 1 (2014), 39-55.

_____. "Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu". *Jurnal Komunikasi* 30 (Special Issue 2014), 177-190.

Noryamin Aini. "Tradisi Mahar di Ranah Lokalitas Umat Islam: Mahar dan Struktur Sosial di Masyarakat Muslim Indonesia". *Jurnal Ahkam* XIV, no. 1 (Januari 2014), 13-30.

Otnes, Cele C., dan Elizabeth H. Pleck. *Cinderella Dreams: The Allure of the Lavish Wedding*. Berkeley: University of California Press, 2003.

Padma Srinivasan dan Gary R. Lee. "The Dowry System in Northern India: Women's Attitudes and Social Change". *Journal of Marriage and Family* 66 (Disember 2004), 1108-



1117.

Quanbao Jiang, Yanping Zhang dan Jesus J. Sanchez-Barricarte. “Marriage Expenses in Rural China”. *The China Review* 15, no. 1 (Spring 2015), 207-236.

Qurratul Aien Fatah Yassin. “Pendekatan As-Sunah dalam Menangani Fenomena Kahwin Lewat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia”. Dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan dan Cabaran Semasa*. Ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

Rabiatul Adawiyah Abd Rahman. “Assessing the Transformations of the Malay Wedding Foodways: A Social Perspective” (Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Mara, 2009).

Raihanah Azahari. “Pengaruh Budaya dalam Penentuan Kadar Mahar.” Dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Md. Ahmad, Abd Karim Ali, Ridzwan Ahmad dan Mohamad Zaidi Abd. Rahman (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 315-324.

_____, Khairun Najmi Saripudin dan Raihana Abd Wahab. “Hubungan di antara Faktor Demografi dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau-Pinang dan Perak”. *Jurnal Fiqh* 6 (2009), 107-124.

Sa‘īd ibn Sa‘īd Nāṣir Ḥamdān. “Ittijāhāt al-Syabāb Naḥw ḥaflāt al-Zifāf al-Jamā‘iyyah: Dirāsaḥ Waṣfiyyah Taḥlīliyyah ‘alā Tulāb Jāmi‘ah al-Mālik Khālid bi Maḍīnah Abhā - al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah”. *al-Ijtima‘iyyah*, 5 (2012), 10-54.

Salmā Sālim al-Jamānī, “Aḥkām al-Ṣadāq fī al-Fiqh al-Islāmī” (Tesis Sarjana, Universiti Islam al-Imam Muhammad Ibn Sa‘ud, 1426H/2006).

Sayf Ibn Rāsyid al-Jābirī. *Mahr al-Zawjāt bayn al-Syarī‘ah wa al-‘Ādah*. Bayrūt: Islamic Affairs & Charitable Activities



Department, 2008.

Shukeri Mohamad. “Maqasid al-Syariah dalam Pengurusan Harta”. *Monograf Syariah* 4 (Mei 1996), 1-25.

Siti Nor Ahiasah Shafak Ahmad. “Amalan Penetapan Kadar Mahar dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: Analisis dari Perspektif Perundungan Islam” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2012).

Siwan Anderson. “The Economics of Dowry and Brideprice”. *Journal of Economic Perspectives* 21, no. 4 (Fall 2007), 151-174.

Surtahman Kastin Hasan. “Perbelanjaan Bermanfaat dan Tidak Membazir Menurut Perspektif Islam”. *Jurnal Syariah* 10, no. 2 (2007), 87-98.

Syed Alwi Sheikh Al-Hadi. *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Syh Noorul Madiyah binti Syed Husin. “Mas Kahwin dalam al-Quran dan Implikasinya Terhadap Penentuan Kadar.” Dalam *Etika Kerja dan Pengurusan Harta*. Ed. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Syed Mohd Azmi Syed Abdul Rahman, Wan Yusof Wan Chik dan Syed Mohd Hafiz Syed Omar (Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2014), 69-85.

Tāhir Muḥammad Matar al-Adīnāt. “Mazāhir al-Zifāf al-Mu’āṣir min Manzūr Islāmī” (Tesis Sarjana, Universiti Mu’tah, 2006).

Wan Bazli Fariz Wan Bakar. “Mahar dan Hantaran dalam Perkahwinan: Satu Kajian Terhadap Amalannya di Daerah Kuala Berang, Terengganu” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, 2001).

Yaacob Harun. *Kekeluargaan dan Perkahwinan Melayu: Konsep Asas*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1995.

Yudi Safitrah. “Amalan Pemberian Mahar dan Hantaran dalam



- Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Pulau Bangka, Indonesia” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2013).
- Zainunnisaa Abdul Rahman. “Mahar in Malaysia: The Law Revisited”. *Shariah Law Reports* (Oktober - Disember 2007), 1-19.
- Zurita Mohd Yusoff. “Amalan Pemberian Mas Kahwin di Malaysia”. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1 (Julai 2008), 43-57.
- Zuroni Md Jusoh, Elistina Abu Bakar, Askiah Jamaluddin dan Bukryman Sabri. “Sikap dan Amalan Perbelanjaan Pengguna pada Musim Perayaan”. *Jurnal Pengguna Malaysia* 15 (Disember 2010), 88-98.